



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SELASA 1 SEPTEMBER 2020**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	90 KOTAK AYAM SEJUK BEKU DIRAMPAS, SINAR NEGERI KELANTAN, SH -28	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
2. 3. 4. 5.	FAMA TO SET UP SIX MORE PASAR TANI IN SELANGOR, NEWS, NST -12 PENDUDUK LEGA PASAR TANI KHAS DIBUKA MULAI HARI INI, DALAM NEGERI, UM -30 DUA PASAR SEGAR TERKAWAL DIBUKA ESOK, NEGARA, KOSMO -5 KELIRU MAKLUMAT PADA KAIN RENTANG, FORUM, UM -19	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
6. 7.	USAHAWAN TEKNOLOGI MAKANAN MARDI, GAYA TANI, UM -24 BAWA INOVASI MAKANAN KE PASARAN ANTARABANGSA, GAYA TANI, UM -25	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
8. 9. 10.	SEKTOR PERIKANAN PERLU DIMODEN TARIK GENERASI MUDA JADI NELAYAN, NASIONAL, BH -14 BUANG STIGMA NELAYAN MISKIN, PENCIPTA MUDA, HM -12 NASIB 'MENUMPANG' TANAH KERAJAAN, RENCANA, UM -16	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)



PGA merampas 60 kotak berisi ayam sejuk beku di dalam sebuah Perodua Myvi di Jalan Bypass Banggol Chicha, Rantau Panjang Kelantan.

## 90 kotak ayam sejuk beku dirampas

**RANTAU PANJANG** - Pasukan Gerakan Am (PGA) Batalion 8 Pengkalan Chepa merampas 90 kotak ayam sejuk beku bernilai RM38,800 yang cuba diseludup masuk secara haram ke negara ini dalam dua serbuan berasingan di sini kelmarin.

Pegawai Pemerintah PGA Batalion 8 Pengkalan Chepa, Superintendan Muhammad Shamsuddin berkata, serbuan pertama dibuat sepasukan anggota yang sedang melakukan rondaan di kawasan Jeram Perdah yang termampak sebuah Perodua Myvi dipandu dalam keadaan mencurigakan di Jalan Bypass Banggol Chicha.

"Anggota PGA telah bertindak menahan ken-deraan tersebut, bagaimanapun pematudu itu telah melarikan diri ke dalam semak berhampiran," katanya.

Menurutnya, hasil pemeriksaan ke atas kenderaan itu telah menemui 60 kotak berisi ayam sejuk

beku yang dipercayai diseludup dari Thailand. Katanya, rampasan dianggarkan berjumlah RM27,200 dan kesemuanya diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Magis) Kelantan untuk tindakan lanjut.

Muhammad berkata, serbuan berikutnya pada jam 11 pagi telah merampas 30 kotak berisi ayam sejuk beku yang dipercayai diseludup dari negara Thailand yang dianggarkan berjumlah RM11,600.

"Ketika sedang melakukan rondaan rutin di kawasan pangkalan haram Rantau Panjang telah terserempak dengan beberapa orang lelaki sedang memunggah kotak dari dalam perahu ke dalam sebuah kereta.

"Menyedari kehadiran anggota PGA, lelaki itu terus bertindak melarikan diri menggunakan perahu ke Thailand," katanya.

## Fama to set up six more pasar tani in Selangor

**SHAH ALAM:** The Selangor Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) will set up six more farmers' markets (*pasar tani*) in the state in addition to the existing 43 markets operating since Aug 16. Its director Abdul Rashid Bahri said the agency was gathering entrepreneurs to trade in the markets. "We have resolved all matters involving local authorities and have set the locations. What is left is registering the entrepreneurs. We are confident operations can commence next month," he told reporters during the 63rd National Day Fly the Jalur Gemilang campaign at the Shah Alam Stadium farmers' market, here yesterday. He added that three new farmers' markets would be located in Petaling district, two in Sepang and one in Kuala Langat.

**Bernama**



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/9/2020	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	30

# Penduduk lega pasar tani khas dibuka mulai hari ini

**SUNGAI PETANI:** Penduduk di tiga zon di Ambangan Heights, Amanjaya di sini yang mendakwa kehabisan barangan basah kini boleh menarik nafas lega apabila Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan membuka pasar tani khas di kawasan itu mulai hari ini.

Penduduk di Zon Kenanga, Mawar dan Melor menjalani perintah kuarantin di rumah di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan Secara Pentadbiran (Temco) berikutan Covid-19 Kluster Tawar bermula Jumaat lalu.

Pegawai FAMA Daerah Kuala Muda, Mohd. Fauzi Hashim berkata, pasar tani khas yang dikenali Pasar Segar Terkawal itu akan melibatkan kira-kira 20 peniaga yang menjual barang basah seperti ayam, ikan segar, sayur-sayuran dan buah-buahan.

“Pasar Segar Terkawal itu akan dibuka di Zon Mawar pada setiap Rabu dan Sabtu manakala di Zon Kenanga pula pada Selasa dan Jumaat dari pukul 8 pagi hingga 11.30 pagi.

“Sementara itu, di Zon Mawar pula pasar tersebut akan dibuka di Surau An Nur manakala lokasi bagi Zon Kenanga masih dalam penelitan pihak kita dan wakil penduduk,” katanya semalam.

Menurut Mohd. Fauzi, pihaknya juga menerima permohonan daripada penduduk untuk menjual barang-barang keperluan harian lain seperti lampin pakai buang.

“Kemudahan pasar tani ini juga dapat mengelakkan mereka keluar dari kawasan perumahan masing-masing untuk mendapatkan barangan keperluan,” jelasnya.

Tambah beliau, pembukaan pasar tani sementara itu akan dilakukan mengikut prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan termasuk penjarakan fizikal, pemakaian pelitup muka dan pemeriksaan suhu badan.

“Bagi memastikan keasdaan terkawal, hanya ketua keluarga dibenarkan untuk membeli barangan keperluan di pasar tani ini,” katanya.

22,360 penduduk Ambangan Heights lega dapat beli barang basah

# Dua pasar segar terkawal dibuka esok

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS

**SUNGAI PETANI** - Keresahan 22,360 penduduk di tiga zon di Ambangan Heights, Amanjaya di sini yang semakin kehabisan barang basah bakal berakhir apabila dua Pasar Segar Terkawal (PST) akan dibuka di dua lokasi di perumahan tersebut mulai esok.

Kesemua penduduk di Zon Kenanga, Mawar dan Melor kini menjalani perintah kuarantin di rumah di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Secara Pentadbiran susulan pandemik Covid-19 bagi Kluster Tawar.

Pegawai Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Daerah Kuala Muda, Mohd. Fauzi



**KERATAN Kosmo!** semalam.

Hashim berkata, dua pasar berkenaan membolehkan 20 peniaga yang akan dibuka di Zon Mawar pada setiap Rabu dan Sabtu, manakala di Zon Kenanga pula pada Selasa dan Jumaat dari pukul 8 pagi hingga 11.30 pagi.

"PST di Zon Mawar akan dibuka di Surau An Nur, manakala lokasi bagi Zon Kenanga masih dalam penelitian pihak kami dan wakil penduduk," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Menurutnya, pasar tani itu

akan menjual pelbagai barang runcit dan barang basah termasuk ayam, ikan segar, sayur-sayuran serta buah-buahan yang mana bekalan dijangka mencukupi untuk kegunaan penduduk terlibat.

Katanya, pelaksanaan pasar segar itu akan dilakukan mengikut prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan termasuk penjarakan fizikal, pemakaian pelitup muka dan pemeriksaan suhu badan.

"Hanya ketua keluarga dibenarkan membeli barang keperluan di pasar tani ini," ujarnya.

Sementara itu, rata-rata penduduk yang ditemui meluahkan rasa syukur dengan pembukaan dua pasar segar esok dan me-

nyifatkan ia langkah tepat bagi membantu mereka mendapatkan bekalan barang basah.

Seorang penduduk, Zarina Chik 51, berkata, selepas ini penduduk tidak perlu meminta bantuan keluarga dan rakan-rakan di luar untuk membeli serta menghantar barangan basah di sini.

Pekerja swasta, Aziz Amoh, 53, bersyukur kerana masalah untuk mendapatkan bekalan barangan harian dapat diselesaikan.

"Memang sukar untuk dapatkan barang keperluan, lebih-lebih lagi peniaga yang tinggal di luar kawasan ini tidak dibenarkan masuk."

"Pembukaan ini dapat menghilangkan tekanan selepas kami dikenakan arahan kuarantin di rumah," katanya.

1/9/2020

UTUSAN  
MALAYSIA

FORUM

19



**WUJUD kemusykilan dengan maksud 'perkarangan' dan 'pakar' yang tertera pada kain rentang. - IHSAN PEMBACA**

## Keliru maklumat pada kain rentang

### SAUDARA PENGARANG,

**BARU-BARU** ini, saya terlihat banyak kain rentang yang dipasang di sekitar kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Selayang (MPS) bagi mempromosikan program Jualan Terus Dari Ladang (JTDL) pada 28 Ogos 2020 di ibu pejabat Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Selayang, Selangor.

Cuma saya musykil dengan perkataan 'perkarangan' dan 'pakar' yang tertera pada kain rentang berkenaan. Sepatutnya perkataan yang betul adalah 'pekarangan' dan 'parkir'.

Pekarangan ialah halaman rumah, manakala perkarangan pula bermaksud batu karang.

Harap kesalahan ejaan seperti ini tidak berulang terutama ketika hampir dengan tarikh sambutan ulang tahun kemerdekaan negara yang membolehkan kita bebas menggunakan bahasa kebangsaan sendiri.

**MUNSYI ABDULLAH**  
Rawang, Selangor



# Usahawan teknologi makanan MARDI

Oleh LAUPA JUNUS  
laupa.junus@mediamula.com.my

**S**EBAGAI sebuah agensi yang dipertanggungjawabkan dalam memajukan industri pertanian dan makanan menerusi kerja-kerja penyelidikan dan pembangunan (R&D), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) membuktikan pencapaiannya wajar dibanggakan kerana sejak lebih empat dekad penubuhannya, banyak inovasi berkaitan makanan dihasilkan.

MARDI menerusi Pusat Penyelidikan Sains dan Teknologi Makanannya sejak dahulu banyak menghasilkan inovasi makanan dan mesin serta disusuli dengan kejayaan melahirkan usahawan. Mereka berjaya setelah menggunakan inovasi dan memanfaatkan kemudahan kilang teknologi pemprosesan makanan untuk usahawan (*test bed*) dan mesin automasi dan mekanisasi yang dibangunkan saintis pusat tersebut.

Mungkin ramai pernah mendengar mesin pencucuk dan pembakar sate, alat pembakar lemak dan membuat roti jala yang menjadikan kerja kerja penghasilan makanan lebih mudah, bersih, cepat dan selamat untuk dimakan.

Ketua Pengarah MARDI Datuk Dr. Mohamad Roff Mohd Noor berkata, sejak penubuhannya, pusat tersebut menjalankan kajian produk inovasi makanan yang dikategorikan kepada pembangunan makanan tradisional, makanan separa siap (konvensional), makanan kesihatan dan makanan atau ramuan berfungsi.

Beliau berkata, kejayaan tersebut meliputi pembangunan sebanyak 26 teknologi makanan tradisional antaranya termasuklah jeruk sayur dan buah, serbuk kopi dan seri kaya dan pelbagai makanan lain.

"Pusat ini juga membangunkan sebanyak 57 teknologi makanan konvensional antaranya termasuklah sos dan kicap, jus dan minuman buah-buahan dan produk daging sejuk beku selain 39 teknologi makanan kesihatan antaranya minuman buah



SEBAHAGIAN daripada inovasi makanan yang dihasilkan saintis MARDI.

## Evolusi Pusat Penyelidikan Sains dan Teknologi Makanan MARDI (1970 hingga sekarang).

### 1969-1979

- » Makanan tradisional
- » Adaptasi dan penyesuaian teknologi

### 1980-1999

- » Makanan konvenyen
- » Mekanisasi

### 2000-2009

- » Makanan kesihatan
- » Mekanisasi dan Automasi

### 2010 hingga sekarang

- » Makanan dan Ramuan berfungsi
- » Mekanisasi, automasi dan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT)

mengandungi serat dan protein tinggi daripada sayuran, snek berasaskan soya dan sapuan coklat rendah kalori.

"Sebanyak 28 teknologi makanan berfungsi turut dibangunkan, antaranya

minuman berciri prebiotik, makanan berciri probiotik dan makanan berfungsi untuk warga tua," ujarnya kepada *Utusan Malaysia*.

Lebih menarik, pusat tersebut juga mewujudkan aktiviti inkubator bagi melahirkan usahawan dengan kemudahan pusat teknologi makanan (*test bed*) sepanjang 2016 hingga Julai lalu yang berjumlah 513 orang.

Pada satu majlis baru-baru ini, MARDI menganjurkan program uji rasa empat produk makanan yang merupakan hasil inovasi saintisnya, yang dilancarkan oleh Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, Datuk Ahmad Hamzah.

Inovasi pertama adalah teknologi keropok lekor lembut sejuk beku iaitu saintis MARDI berjaya menambah baik rasa dan tekstur lekor menjadi lembut, rangup dan lebih rasa ikan serta variasi keropok lekor yang ditambah dengan udang dan sotong.

Berdasarkan ujian penerimaan pengguna dengan sejumlah responden, secara keseluruhan keropok lekor ikan MARDI ini ialah 94.6 peratus berbanding keropok ikan komersial (73.9 peratus). Majoriti responden sanggup



MESIN roti jala antara hasil penyelidikan MARDI.

bertukar penggunaan daripada keropok ikan komersial sedia ada kepada keropok lekor ikan MARDI. Antara keistimewaan produk tersebut adalah mengandungi protein, rendah kandungan lemak dan mengandungi asid lemak tidak tepu (PUFA).

Kejayaan kedua adalah pembangunan teknologi pracampuran perata tanpa gluten daripada ubi-ubian dan sayuran. Menerusi teknologi ini, variasi pracampuran perata juga dihasilkan daripada tepung ubi keledek Anggun

dan serbuk bayam. U sesuai digunakan dalam pemprosesan perata kandungan karbohidrat tinggi, tanpa gluten dan fungsian fizikal, keles dan keliatan setandir gandum.

Ia boleh disimpan beku atau terus dimakan atau dengan minyak dihidangkan. Ujian pengguna sebanyak 100 responden juga dijaja mendapat skor yang

Antara keistimewaan adalah karbohidrat t





AHMAD Hamzah tertarik dengan salah satu inovasi produk makanan pada majlis pelancaran Empat Inovasi Makanan Hasil Penyelidikan MARDI di Serdang baru-baru ini.



MESIN roti jala antara hasil penyelidikan MARDI.

bertukar penggunaan daripada keropok ikan komersial sedia ada kepada keropok lekor ikan MARDI. Antara keistimewaan produk tersebut adalah mengandungi protein, rendah kandungan lemak dan mengandungi asid lemak tidak tepu (PUFA).

Kejayaan kedua adalah pembangunan teknologi pracampuran perata tanpa gluten daripada ubi-ubian dan sayuran. Menerusi teknologi ini, variasi pracampuran perata juga dihasilkan daripada tepung ubi keledek Anggun

dan serbuk bayam. Ubi-ubian sesuai digunakan dalam pemrosesan perata kerana kandungan karbohidrat yang tinggi, tanpa gluten dan ciri fungsian fizikal, kelembutan dan keliatan setanding-tepung gandum.

Ia boleh disimpan sejuk beku atau terus dimasak tanpa atau dengan minyak untuk dihidangkan. Ujian penerimaan pengguna sebanyak 400 responden juga dijalankan dan mendapat skor yang tinggi.

Antara keistimewaannya adalah karbohidrat tinggi yang



DUA kakitangan MARDI menunjukkan produk pracampuran yang diberi suntikan teknologi terkinil.

tidak mengandungi gluten, tinggi serat diet, sumber mineral dan vitamin yang baik.

Selain itu, MARDI juga berjaya memperkenalkan teknologi makanan pencuci mulut (*dessert*) sejuk beku konfeksi ais bebas laktosa dibangunkan daripada puri ubi keledek ungu yang diadun bersama santan sawit dan krim bukan tenusu.

Ia dapat mengatasi masalah tidak toleran laktosa iaitu gejala yang tidak menyenangkan seperti perut kembung, cirit-birit dan gas selepas makan atau minum susu atau produk tenusu.

Produk ini juga dapat mengatasi masalah disfagia (sukar menelan) dalam kalangan warga tua iaitu kesukaran untuk menelan sesuatu makanan pepejal atau

cecair. Antara keistimewaan produk adalah kaya dengan nutrien.

Pembangunan teknologi keempat adalah pracampuran sup ikan dengan cendawan yang merupakan produk inovasi berasaskan isi ikan tilapia merah (*Oreochromis niloticus*), cendawan tiram kelabu (*Pleurotus sajor caju*), nasi dan bahan lain yang diproses menjadi serbuk pracampuran.

Pracampuran sup ikan dengan cendawan ini mempunyai jangka hayat produk selama setahun.

Pada majlis tersebut, dua pertukaran memorandum perjanjian (MOA) pengkomersialan antara MARDI dan syarikat Ahsannajah Solution dan Rara Excellent Resources turut diadakan.

## Bawa ino pasaran

TIMBALAN Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, Datuk Ahmad Hamzah berharap kejayaan MARDI dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) bidang pemakanan diharap dapat membantu melahirkan usahawan yang mengkomersialkan inovasi tersebut hingga ke peringkat global.

Kata beliau, adalah menjadi harapan kementerian berkenaan menerusi agensinya yang menjalankan penyelidikan untuk mengkomersialkan inovasi inovasi ini.

Beliau berkata, MARDI mempunyai Pusat Penyelidikan Sains dan Teknologi Makanan yang banyak menyumbang kepada pembangunan inovasi makanan ketika ini.

Beliau turut berharap lebih banyak kerjasama dapat dijalin antara MARDI dan syarikat bagi memban mengkomersialkan inovasi makanan tempatan.

"Inovasi makanan temp yang dihasilkan oleh MARDI sememangnya berkualiti



AHMAD Hamzah (kiri) melor baru ini. Turut kelihatan Moh



## Bawa inovasi makanan ke pasaran antarabangsa

TIMBALAN Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, **Datuk Ahmad Hamzah** berharap kejayaan MARDI dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) bidang pemakanan diharap dapat membantu melahirkan usahawan yang mengkomersialkan inovasi tersebut hingga ke peringkat global.

Kata beliau, adalah menjadi harapan kementerian berkenaan menerusi agensinya yang menjalankan penyelidikan untuk mengkomersialkan inovasi-inovasi ini.

Beliau berkata, MARDI mempunyai Pusat Penyelidikan Sains dan Teknologi Makanan yang banyak menyumbang kepada pembangunan inovasi makanan ketika ini.

Beliau turut berharap lebih banyak kerjasama dapat dijalin antara MARDI dan syarikat bagi membantu mengkomersialkan inovasi makanan tempatan.

"Inovasi makanan tempatan yang dihasilkan oleh MARDI sememangnya berkualiti



**INOVASI** makanan keropok lekor lembut.

mempunyai rasa sedap," ujarnya pada majlis sesi uji rasa dan majlis pelancaran Empat Produk Inovasi Makanan Hasil Penyelidikan MARDI di Serdang baru-baru.

Justeru sewajarnya syarikat luar mengambil peluang untuk membawa produk makanan tersebut ke peringkat pengeluaran secara komersial dan besar-besaran.



**AHMAD** Hamzah (kiri) melancarkan empat produk inovasi makanan keluaran saintis MARDI di Serdang, baru-baru ini. Turut kelihatan Mohamad Roff Mohd. Noor.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/9/2020	BERITA HARIAN	NASIONAL	14

## Sektor perikanan perlu dimodenar tarik generasi muda jadi nelayan

**Kuala Terengganu:** Stigma mengenai kerjaya nelayan dengan kemiskinan perlu diubah untuk menarik minat rakyat di negara ini terutama generasi muda menceburi bidang itu.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Ahmad Amzad Hashim, berkata penggunaan teknologi lebih moden diperlukan supaya ia menjadi kerjaya menjanjikan pendapatan lumayan seperti di Australia, Hong Kong dan Jepun.

Katanya, transformasi dalam industri perikanan bukan hanya untuk membantu golongan nelayan tetapi bertujuan menyelesaikan isu penceroobahan nelayan asing mengakibatkan kerugian hasil perikanan antara RM5 bilion hingga RM6 bilion setahun.

"Sekarang, antara kemungkinan menyebabkan nelayan asing masuk mungkin kerana rakyat kita kurang ke laut seterusnya membuka ruang mereka (nelayan asing) datang mengambil hasil laut.

"Nelayan kita pula mungkin kurang ke laut kerana stigma berhubung kerjaya nelayan dikaitkan dengan kemiskinan dan perlunya ia dijadikan kerjaya menarik minat seperti kita pernah memperkenalkan pertanian itu sebagai satu perniagaan," katanya selepas merasmikan Pameran dan Eksesais Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) di Galeri Drawbridge di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah Maritim Malaysia, Laksamana Maritim Datuk Mohd Zubil Mohd Som; Ketua Polis Terengganu, Datuk Roslee Chik dan Pengerusi TI Properties Sdn Bhd, Malliaman Kassim.

Pameran selama satu bulan bermula 14 Ogos lalu itu dilaksanakan Maritim Malaysia dengan kerjasama TI Properties Sdn Bhd selaku penganjur bagi mendedahkan masyarakat tempatan mengenai peranan agensi berkenaan khususnya dalam konteks mengawal, melindungi dan menyelamatkan.

Ahmad Amzad berkata, sudah sampai masanya industri perikanan negara dijenamakan semula dengan penggunaan teknologi moden seperti dilakukan negara maju supaya ia jadi sumber kekayaan seferusnya mampu menarik rakyat untuk kembali ke laut.

Ahmad Amzad yang juga Ahli Parlimen Kuala Terengganu berkata, MOSTI turut mewujudkan satu jawatankuasa khas dengan Malaysian Industry-Government Group for High Technology (MIGHT), Akademi Sains, Malaysia Technology Development Corporation Sdn Bhd (MTDC) serta industri perikanan untuk mengkaji pemodenan dalam bidang berkenaan.



## Buang stigma nelayan miskin

**Kuala Terengganu:** Stigma mengaitkan nelayan dengan kemiskinan perlu diubah bagi menarik minat rakyat Malaysia terutama generasi muda menceburi bidang berkenaan.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) Ahmad Amzad Hashim berkata, penggunaan teknologi moden diperlukan supaya ia menjadi pekerjaan yang menjanjikan pendapatan lumayan seperti negara maju di Australia, Hong Kong dan Jepun.

Katanya, transformasi dalam industri perikanan bukan hanya untuk membantu golongan nelayan, tetapi bertujuan menyelesaikan isu penceroobohan nelayan asing yang mengakibatkan kerugian hasil perikanan negara antara RM5 hingga RM6 bilion setahun.

"Sekarang ini antara kemungkinan yang menyebabkan nelayan asing masuk mungkin kerana rakyat

kita kurang ke laut seterusnya membuka ruang mereka (nelayan asing) datang mengambil hasil laut. "Nelayan kita pula mungkin kurang ke laut kerana stigma berhubung kerjaya nelayan yang dikaitkan dengan kemiskinan dan peralunya ia dijadikan kerjaya yang menarik minat seperti memperkenalkan pertanian itu sebagai satu perniagaan.

"Sudah sampai masanya industri perikanan negara dijenamakan semula dengan penggunaan teknologi moden seperti dilakukan negara maju supaya ia jadi sumber kekayaan seterusnya mampu menarik rakyat untuk kembali ke laut," katanya.


Beliau berkata demikian selepas merasmikan Pameran dan Eksesais Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) di Galeri Drawbridge di sini, malam kelmarin.

Turut hadir, Pengerusi TI

Properties Sdn Bhd, Maliaman Kassim; Ketua Pengarah APMM, Laksamana Maritim Datuk Mohd Zubil Mohd Som dan Ketua Polis Terengganu, Datuk Roslee Chik.

Pameran berlangsung selama satu bulan bermula 14 Ogos lalu itu dilaksanakan APMM dengan kerjasama TI Properties selaku penganjur bagi mendedahkan orang ramai mengenai peranan agensi berkenaan khususnya dalam konteks mengawal, melindungi dan menyelamat.

Ahmad Amzad yang juga Ahli Parlimen Kuala Terengganu berkata, Mosti turut mewujudkan satu jawatankuasa khas dengan Malaysia Industry-Government Group for High Technology (Might), Akademi Sains, Malaysia Technology Development Corporation Sdn Bhd (MTDC) serta industri perikanan untuk mengkaji pemodenan dalam bidang berkenaan.



AHMAD (kanan) diiringi Ketua Pengarah Operasi Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Laksamana Madya Maritim Datuk Mohd Zubil Mat Som (kanan) dan Pengarah Maritim Negeri Terengganu, Kepten Maritim Muhammad Suffi Mohd Ramli (kiri) meluangkan masa melawat pameran peralatan dan aset APMM.

"Kita dalam proses bergerakakan perkara ini bersama kementerian yang mempunyai kepentingan langsung dalam aspek pembangunan industri perikanan dengan hasil kajian di-

peralatan bot, teknik dan yang memberi hasil lebih tinggi, penggunaan teknologi satelit dan teknologi sonar dalam pengesanan ikan," katanya.

peralatan menangkap ikan yang memberi hasil lebih tinggi, penggunaan teknologi satelit dan teknologi sonar dalam pengesanan ikan," katanya.





PEKEBUN-PEKEBUN mengadakan demonstrasi aman bagi membantah pengambilalihan pengurusan ladang durian mereka oleh kerajaan negeri di Raub, Pahang, minggu lepas. - UTUSAN / ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN

## Nasib 'menumpang' tanah kerajaan

### MINDA PEGUAM

Oleh  
Salleh Buang



**M**EDIA tempatan baru-baru ini melaporkan, satu kawasan tanah kerajaan di Raub, Pahang telah diusahakan sekian lama oleh sekumpulan penduduk sebagai ladang durian tanpa restu kerajaan negeri. Mengikut laporan itu, kerajaan negeri bercadang mengambil alih tanaman durian dan buah-buahan yang diusahakan secara haram di sekitar Kampung Sungai Ruan dan Kampung Chalit mulai 24 Ogos lalu.

Sehubungan itu, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Pahang (PTG) menyatakan, kebenaran hanya akan diberikan kepada sebuah syarikat usaha sama dengan kerajaan negeri untuk memasuki dan menduduki tanah kerajaan tersebut serta hutan simpan di sekitarnya. Satu pos kawalan akan dibina untuk memantau lalu lintas dan pihak yang dibenarkan sahaja boleh memasuki kawasan terbabit.

Kita difahamkan, ia melibatkan usaha sama menggabungkan sebuah syarikat swasta (Royal Pahang Durian Group) dengan Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang (PKPP). Tanah kerajaan yang



**Ini bermakna jika seorang itu menjadi pemegang TOL walaupun berpuluh-tahun (ertinya TOL itu disambung setiap tahun), tanah TOL itu kekal sebagai tanah kerajaan dan PBN boleh pada bila-bila masa, memberi milik kepada orang lain dan tidak semestinya pemegang TOL selama ini."**

selama ini diusahakan secara haram oleh pekebun durian selepas ini dipajak kepada syarikat usaha sama tersebut. Kenyataan PTG itu selanjutnya menegaskan, tindakan akan diambil ke atas penceroboh di bawah Seksyen 425, Kanun Tanah Negara 1965 (KTN). Jika sabit kesalahan, penceroboh boleh dikenakan denda tidak lebih RM500,000 atau penjara tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Mengikut satu laporan

lain, Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, Datuk Seri Dr. Sallehuddin Ishak pula dipetik berkata, kerajaan negeri mengalami kerugian sebanyak RM30 juta hasil cukai tanah yang tidak dapat dikutip, berdasarkan kadar terendah cukai tanah untuk tempoh 10 tahun. Lebih 4,000 hektar tanah kerajaan dikatakan telah diterokai dan diusahakan secara haram selama ini.

Sebuah portal berita pula melaporkan, pada 24 Ogos lalu, sekumpulan pekebun durian yang dikenakan tindakan pengusiran oleh kerajaan negeri memohon campur tangan Yang di-Pertuan Agong untuk menyelesaikan masalah mereka.

Jurucakap mereka, Chow Yu Hui yang juga seorang Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) memberitahu, sejarah menunjukkan pekebun durian terbabit sebenarnya diberi galakan untuk meneroka tanah kerajaan di situ pada sekitar 1970-an di bawah Rancangan Buku Hijau. Oleh itu, kata Chow, mereka bukanlah peneroka haram.

#### KUASA MUTLAK

Di bawah KTN, semua tanah yang ada dalam wilayah negeri yang belum diberi milik kepada sesiapa, kekal sebagai tanah kerajaan. Mengikut KTN, setiap pihak berkuasa negeri (PBN) adalah pemilik mutlak tanah kerajaan dan ada budi bicara sepenuhnya untuk melupuskannya kepada sesiapa sahaja yang ia sukai, seluas mana yang ia sukai dan

tertakluk kepada kategori jenis tanah dan syarat-syarat yang ia sukai.

KTN mengiktiraf dua jenis pelupusan, iaitu (i) menerusi pemberian milik (*alienation*) dan (ii) selain pemberian milik (*otherwise than by alienation*). Jika PBN melakukan pelupusan jenis pertama, tanah kerajaan itu boleh diberi milik dalam bentuk kekal (*freehold*) atau bertempoh (*leasehold*) tidak melebihi 99 tahun.

Jika PBN melakukan pelupusan jenis kedua, misalnya mengeluarkan lesen pendudukan sementara (TOL), permit ruang udara atau permit mengeluarkan batu-batuan, tanah berkenaan tetap kekal sebagai tanah kerajaan.

Ini bermakna jika seorang itu menjadi pemegang TOL walaupun berpuluh-tahun (ertinya TOL itu disambung setiap tahun), tanah TOL itu kekal sebagai tanah kerajaan dan PBN boleh pada bila-bila masa, memberi milik kepada orang lain dan tidak semestinya pemegang TOL selama ini.

Dalam kes ladang durian di Pahang, kita dimaklumkan, walaupun peneroka atau pekebun durian tersebut telah mencuba sekian lama memohon untuk mendapatkan hakmilik tanah yang mereka usahakan, tetapi terus gagal. Walaupun fakta kegagalan mereka boleh menimbulkan komen negatif terhadap kerajaan negeri, hakikatnya PBN Pahang memang ada kuasa dan budi bicara untuk tidak melayan

permohonan mereka.

Begitu juga, sekalipun tindakan PBN memberi pajakan kepada syarikat usahasama yang baharu ditubuhkan, ini boleh menyebabkan sesetengah pihak mengeluarkan pendapat negatif terhadap kerajaan negeri, hakikatnya sama juga bahawa PBN Pahang memang ada kuasa dan budi bicara memberi pajakan kepada syarikat usahasama tersebut.

#### DAFTAR

Persoalan mutakhir mengenai kes ini: Apakah peneroka tanah kerajaan itu langsung tiada hak di sisi undang-undang? Jawapannya telah lama diberi oleh Hakim Raja Azlan Shah (pada ketika itu) dalam kes Sidek lawan Kerajaan Negeri Perak (1982), iaitu setinggi tidak ada hak di sisi undang-undang atau ekuiti. Keputusan berkenaan menjadi duluan (*precedent*) yang terus diikuti oleh hakim-hakim lain sehinggalah sekarang.

Kes tersebut sekali gus mencerminkan kekerasan sistem Torrens, di mana prinsip utamanya: Di bawah sistem Torrens, daftar adalah segala-galanya. Kesimpulannya, kalau anda menduduki tanah kerajaan, walaupun puluhan tahun lamanya, selagi nama anda belum didaftarkan sebagai pemilik tanah itu, anda tidak ada hak langsung ke atasnya.

DATUK Salleh Buang ialah bekas Peguam Persekutuan di Jabatan Peguam Negara dan bekas Profesor Tamu di Universiti Teknologi Malaysia